

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 10 TAHUN 2018**

Tarikh : 25 Oktober 2018 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.45 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YBrs Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali,^{A.M.N.,A.M.S.} Setiausaha Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 10/2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Puan Yang Dipertua memaklumkan mengenai pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Oktober 2018. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.

- ii) Seterusnya, Puan Yang Dipertua memaklumkan berkenaan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (RTSJ2035). Penyediaan RTSJ2035 ini adalah sebagai panduan dan kawalan pembangunan bagi seluruh kawasan pentadbiran MPSJ dan melibatkan 4 fasa seperti berikut:

FASA	CATATAN
Fasa 1 : Mobilisasi	Melibatkan penyediaan kertas kerja, mesyuarat, pelantikan perunding, publisiti awal dan penyediaan peta asas dan laporan pendekatan kajian
Fasa 2 : Penyediaan Draf	Melibatkan Laporan Teknikal Perangkaan dan Draf Rancangan Tempatan
Fasa 3 : Publisiti dan Penyertaan Awam	Melibatkan Publisiti dan Penyertaan Awam, Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri dan Kelulusan MMKN
Fasa 4 : Pembatalan dan Pewartaan RT	Melibatkan Pewartaan RTSJ 2035 dan Pembatalan RTSJ(P2) 2020

MPSJ kini telah berada di Fasa 3 iaitu peringkat Program Publisiti dan Penyertaan Awam. Program ini merupakan satu usaha yang dilaksanakan supaya semua pihak berkepentingan berpeluang untuk terlibat dalam penyediaan Rancangan Tempatan ini. Laporan Draf RTSJ2035 boleh disemak oleh orang awam dan berkepentingan bermula 15 Oktober 2018 sehingga 12 November 2018 di lokasi yang disediakan seperti berikut :

- Lobi Bangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Lobi Perpustakaan Hipermedia MPSJ, Bandar Puteri Puchong
- Lobi Perpustakaan Hipermedia MPSJ, Kompleks 3K Seri Kembangan

Sebagai penambahbaikan kepada perkhidmatan, pihak Majlis juga turut memperkenalkan aplikasi DRTSJ2035 di telefon pintar dan

boleh dimuat turun di Google Playstore bagi kemudahan orang ramai membuat bantahan atau menyalurkan sebarang cadangan kepada pihak Majlis. Aplikasi ini boleh dimuat turun bermula 15 Oktober 2018.

- iii) Selain daripada itu, Puan Yang Dipertua turut berkongsi mengenai program *Local Agenda 21 (LA 21)*. Program *LA 21* adalah berasaskan pelaksanaan *bottom-up* dengan melibatkan semua aktiviti bersama penduduk tempatan. MPSJ juga telah menambahbaik setiap program yang dijalankan dengan menyediakan program dibawah Pelan Tindakan seperti yang berikut:
- a) Pelan Tindakan Alam Sekitar
 - b) Pelan Tindakan Keselamatan Sosial
 - c) Pelan Tindakan Ekonomi
 - d) Pelan Tindakan Keselamatan Bandar (Bandar Selamat)
 - e) Pelan Tindakan Bandar Bebas Halangan
 - f) Pelan Tindakan Bandar Hijau

MPSJ telah memperkenalkan sebuah program baru iaitu ***Women Friendly City Majlis Perbandaran Subang Jaya***. Fokus utama program ini adalah dengan memberi penekanan terhadap keupayaan keselamatan, kesihatan, pendidikan, ekonomi serta keperluan wanita dan penduduk di kawasan pentadbiran Subang Jaya.

MPSJ juga memberi penekanan terhadap Bandar Selamat dengan mengambilkira tempat-tempat *Blackspot/Hotspot* yang perlu ditambahbaik dari segi pembangunan dan sosioekonominya melalui kerjasama pihak PDRM. MPSJ juga akan melaksanakan Garis Panduan Pencegahan Jenayah melalui Reka Bentuk Bandar CPTED yang akan digunapakai bermula Disember 2018 hingga Mac 2019.

MPSJ juga tidak mengabaikan keperluan golongan Orang Kurang Upaya dimana MPSJ akan memperuntukkan bajet bagi menambahbaik kemudahan-kemudahan OKU.

- iv) Puan Yang Dipertua turut memaklumkan berkaitan Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- v) Puan Yang Dipertua telah membuat pemakluman berkaitan Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan MPSJ bagi tahun 2019 akan bermula pada **12 November 2018 sehingga 11 Januari 2019**. Pembaharuan lesen boleh dilaksanakan di kaunter Ibu Pejabat MPSJ selain Kaunter Pejabat Cawangan Bandar Puteri, Puchong dan Pejabat cawangan MPSJ (Stadium), Serdang Jaya. Kaunter tidak akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad.

Pembaharuan Lesen Perniagaan dan iklan juga boleh dibuat melalui kaedah berikut:-

- i. **Secara Online** melalui laman web MPSJ <http://www.mpsj.gov.my>, pelanggan perlu mendaftar terlebih dahulu dengan My@MPSJ.
- ii. Pembayaran di **kaunter** dan **Kiosk Bayaran** di Ibu Pejabat MPSJ.
- iii. **Kaunter Bergerak** – untuk pembaharuan lesen Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Borong mengikut jadual yang ditetapkan

Bagi melancarkan proses pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan, pemilik perniagaan perlu memastikan perkara-perkara berkaitan di patuhi (sekiranya ada) :-

- i. Menjelaskan tunggakan Notis Tawaran Kompaun (NTK).
- ii. Memperbaharui Permit Pelan Setara daripada Jabatan Bangunan MPSJ.
- iii. Membuat Bayaran Pengurusan Sampah Bagi pengusaha Restoran / Premis makanan.
- iv. Melantik kontraktor panel Sisa Industri dan Perdagangan bagi pengusaha berkaitan. (sila sertakan salinan perjanjian semasa membuat pembaharuan lesen perniagaan)
- v. Pemilik perniagaan juga perlu memastikan semua syarat-syarat tambahan bagi Lesen Perniagaan dan Iklan telah dipatuhi dan tempoh kelulusan tersebut masih sah sebelum pembaharuan lesen dibuat.

Bermula Januari 2019, pihak Majlis **tidak lagi menghantar** sebarang pemakluman atau notis pemberitahuan berkaitan Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan kepada pemegang lesen perniagaan.

- iv. Selain daripada itu, Puan Yang Dipertua telah memaklumkan bahawa MPSJ telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan penahanan harta alih berdasarkan kuasa di bawah Seksyen 35 dan 79 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). MPSJ telah mengeluarkan waran penahanan (Borang A) dan membantu pihak JMB dalam melaksanakan penguatkuasaan penahanan harta alih di Pangsapuri Cempaka, Taman Puchong Prima pada 13 Oktober 2018 di mana sebanyak 8 unit rumah telah disenaraikan yang mempunyai tunggakan caj penyenggaraan antara RM2000 hingga RM5000. Hasil pelaksanaan penguatkuasaan mendapati 4 unit rumah berjaya melangsaikan tunggakan, 1 unit rumah terlibat dengan penyitaan barang disebabkan masih gagal untuk membayar hutang tunggakan dan 3 unit rumah tidak berpenghuni.

Tindakan penahanan harta alih adalah merupakan salah satu kaedah alternatif dalam usaha mendapatkan tunggakan bayaran caj penyenggaraan. Tindakan ini merupakan kali pertama dilaksanakan di dalam kawasan pentadbiran MPSJ sekaligus merupakan tindakan yang kedua di seluruh Malaysia. Usaha ini adalah untuk mendidik pemilik di pangsapuri supaya terus membantu pihak JMB/MC dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui penahanan harta alih sekaligus menangani masalah pemilik yang mengabaikan tanggungjawab membayar caj penyenggaraan.

Puan Yang Dipertua turut menyatakan persediaan MPSJ dalam menghadapi fenomena musim monsun Timur Laut yang dijangka berlaku sepanjang bulan Oktober 2018 sehingga Mac 2019 dimana Negeri Selangor dijangka akan menerima taburan hujan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah mengambil langkah-langkah persiapan menghadapi musim monsun ini seperti yang berikut:

- i. Mengukuhkan komunikasi dua hala di antara MPSJ, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, pasukan keselamatan dan semua agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.
- ii. Mengaktifkan bilik gerakan bencana MPSJ dan melaksanakan persiapan rapi peralatan bantuan kecemasan dan tahap kesiapsiagaan pasukan PANTAS MPSJ.
- iii. Memastikan penyelenggaraan saluran utama dan saluran-saliran di kawasan pentadbiran MPSJ diselia dengan rapi dan keutamaan diberikan kepada kawasan-kawasan berpotensi banjir.
- iv. Persiapan kemudahan Tempat Pemindahan Sementara yang merangkumi Dewan-Dewan, Balai-Balai Masyarakat dan Perumahan Rakyat milik Majlis sekiranya berlaku kejadian kecemasan atau bencana yang memerlukan pemindahan mangsa.

- v. Puan Yang Dipertua telah memaklumkan mengenai program yang akan dilaksanakan pada bulan November 2018 seperti yang berikut :

i) Kejohanan Catur Terbuka Piala YDP MPSJ 2018

MPSJ akan melaksanakan aktiviti tahunan kejohanan catur piala YDP pada :

Tarikh : 24 November 2018 (Sabtu)
Masa : 9.00 Pagi – 6.00 Petang
Tempat : Kompleks 3C, Bandar Sunway

Sebanyak 3 kategori dibuka pada kejohanan kali ini iaitu Terbuka, Bawah 17 Tahun dan Bawah 12 Tahun. MPSJ telah melaksanakan kerjasama dengan Cerdik Catur Enterprise dengan menggunakan sistem pertandingan Kejohanan Rating Kebangsaan (National Rated Event). MPSJ pernah mendapat penyertaan dari peserta luar negara pada tahun 2017 dengan mendapat sebanyak 21 penyertan melibatkan peserta daripada Yaman, Indonesia, Philipina, Rusia, Pakistan, Thailand, Canada dan Australia.

ii) Program Kem Smart Jati Diri Remaja 2018

Kem ini terbuka kepada pelajar berumur 13-17 tahun dan akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 30 November 2018 hingga 02 Disember 2018 (Jumaat, Sabtu, Ahad)
Tempat : Sg Limau Resort, Training Centre Sungai Besar, Selangor :
Yuran : RM 130.00 seorang Penyertaan

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 09/2018

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 26 September 2018 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2018 bertarikh 3 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 20/2018 bertarikh 17 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	-	Beliau meminta agar Jabatan membuat pemakluman berkenaan permohonan pembangunan yang akan diterima kepada Ahli Majlis kawasan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ tidak mempunyai halangan untuk membuat pemakluman kepada Ahli Majlis kawasan yang terlibat, berkaitan permohonan pembangunan tersebut. Pemakluman akan dibuat dalam tempoh 2 minggu sebelum permohonan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 09/2018 bertarikh 9 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 09/2018 bertarikh 10 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1.1(b) & m/s 2	Encik Keshmin der Singh a/ K.Karam Singh	Projek <i>Culvert</i> One Puchong	<p>Beliau meminta agar direkodkan persetujuan pihak LDP untuk memperuntukkan RM 1 juta dalam projek tersebut.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua bersetuju dengan perkara tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 3.2 & m/s 4	Encik Tai Cheng Heng	Mesyuarat Penyelaras an bersama JKR	<p>Beliau mencadangkan agar diadakan satu mesyuarat khas bersama pihak JKR bagi membincangkan perkara berbangkit yang masih belum diselesaikan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar ahli mesyuarat mengemukakan isu-isu yang perlu dijawab oleh pihak JKR selewatnya seminggu sebelum mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dilaksanakan. Ini bagi membolehkan wakil JKR mendapatkan makluman terhadap isu yang dibangkitkan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				sebelum dibentangkan semasa mesyuarat. Makluman

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 09/2018 bertarikh 10 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Kertas Laporan Minit Mesyuarat Teknikal CCTV bil.03/2018	Beliau memohon penjelasan mengenai status berkenaan Kamera Litar Tertutup yang boleh memaparkan gambar dengan jelas pada waktu malam. Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa peruntukan ini akan dimasukkan dalam bajet pembangunan. Makluman
2.	Para 6.2 & m/s 7		Program Pembangunan Insan "Team building" Untuk Ahli Majlis dan	Beliau memohon pandangan Mesyuarat mengenai status program ini. Memandangkan ramai Ahli Majlis tidak dapat menyertai program

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pihak Pengurusan Tertinggi / Ketua Jabatan MPSJ Tahun 2018	tersebut. Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa program ini akan diteruskan, memandangkan MPSJ telah membuat pemakluman awal kepada peserta. Pembatalan penempahan pakej penginapan dan konsultan juga akan menyebabkan MPSJ terpaksa menanggung kerugian. Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan Bil. 09/2018 bertarikh 11 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1.1(b) & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Pelaksanaan Program Pemutihan Perniagaan	Beliau memohon penjelasan berkaitan status berkenaan program pemutihan perniagaan ini.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			(2.0) di Kampung Tradisi Dalam Kawasan Pentadbiran MPSJ	<p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar Jabatan Perancangan Bandar melaksanakan perbincangan segera bagi mengkaji pelaksanaan program pemutihan perniagaan di kampung tradisi MPSJ.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 07/2018 bertarikh 12 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4.1 & m/s 8	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Penubuhan Jawatankuasa Kecil Sampah haram MPSJ	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan pemilihan ahli Jawatankuasa tersebut dan memohon agar wakil Ahli Majlis bagi kawasan Seri Serdang dan Seri Kembangan turut dimasukkan dalam jawatankuasa tersebut.</p> <p>Maklum balas :</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kecil merupakan terbitan daripada Jawatankuasa Induk. Beliau bersetuju agar wakil Ahli Majlis bagi kawasan Seri Serdang dan Seri Kembangan turut dimasukkan dalam jawatankuasa kecil tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 08/2018 bertarikh 12 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

BIL	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2 (ii) & m/s 2	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Tiga saluran aduan tertinggi	Beliau memohon penjelasan berhubung tiga saluran aduan tertinggi, samada ia melibatkan aduan waze berkaitan isu masalah lampu jalan atau lain-lain aduan.

BIL	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa aduan <i>waze</i> tidak termasuk dalam analisa saluran aduan tertinggi. Aduan berkenaan <i>waze</i> dijawab terus kepada pihak Kerajaan Negeri dan tidak semua aduan yang diterima merupakan aduan lampu jalan milik Majlis. Sehubungan dengan itu, MPSJ akan memperuntukkan tambahan bajet sebanyak RM1 juta bagi menambahbaik lampu-lampu jalan milik Majlis.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 2 (vi) & M/s 2		Pemotongan peruntukan bajet sebanyak 20% sebagai langkah penjimatan bagi semua perbelanjaan di setiap Jabatan.	<p>Beliau memohon agar bajet berkaitan peruntukan alam sekitar tidak dipotong kerana dikhuatiri akan menimbulkan aduan daripada penduduk sekiranya perkhidmatan tidak mencapai tahap maksimum.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan pemotongan peruntukan</p>

BIL	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>bajet sebanyak 20% sebagai langkah penjimatan hanya melibatkan peruntukan bajet pengurusan sahaja.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
3.	Para 2(viii) & m/s 3		Jabatan yang mencatatkan rekod 5 aduan tertinggi	<p>Beliau ingin mendapatkan laporan berkenaan Jabatan yang mencatatkan rekod bagi lima aduan tertinggi.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik mengemukakan laporan Jabatan yang mencatatkan rekod bagi lima aduan tertinggi kepada Ahli Majlis.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 09/2018 bertarikh 18 Oktober 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.9 & m/s 10	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Program 'Back To School' bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) JKP 2018	<p>Beliau memohon pertimbangan untuk penambahan peruntukan bagi program ini sekaligus meluluskan pelaksanaan program ini seperti tahun-tahun lepas.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua menjelaskan bahawa Majlis perlu memberi perhatian dan fokus kepada tugas-tugas utama perkhidmatan perbandaran. Sehubungan dengan itu, Puan Yang Dipertua menyarankan supaya program ini digabungkan bersama dengan ADUN kawasan. Memandangkan peruntukan juga telah disediakan sebanyak RM40,000.00. Mesyuarat juga akan membuat penambahan kepada dua lagi kawasan ADUN yang termasuk di bawah pentadbiran MPSJ sebanyak RM5,000.00/DUN. Pecahan pembahagian peruntukan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00/ 4 DUN

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<ul style="list-style-type: none"> • M5,000.00/ bagi tambahan dua DUN <p>Dicadangkan juga supaya program ini dilaksanakan secara CSR bersama penaja yang ingin menyumbang. Dengan cara ini, pelaksanaan program akan lebih berkesan dan dilihat lebih besar sumbangan pemberiannya.</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya Ahli Majlis perlu berbincang untuk memutuskan kaedah pelaksanaan yang hendak dilaksanakan. Walau bagaimanapun harus memastikan tiada pertindihan penerima dan pembaziran logistik dalam melaksanakan program. Tujuan utama program perlu diberi keutamaan dan sumbangan perlu sampai kepada penerima yang memerlukan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
2.	Para 5.15 & m/s 17		Kertas Cadangan Untuk	Beliau memohon penjelasan berkaitan cadangan kenaikan harga

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Menaikkan Kadar Tunda Kenderaan Yang Ditunda di Kawasan MPSJ	<p>kadar tunda tersebut.</p> <p>Maklum balas:</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa kadar tunda yang dikenakan MPSJ pada masa kini merupakan kadar yang paling rendah berbanding PBT lain di Negeri Selangor. Cadangan kenaikan kadar tunda ini adalah perlu berdasarkan kos yang ditanggung oleh pihak Majlis.</p> <p>Mesyuarat bersetuju agar kadar tunda dikenakan sebanyak RM 200.00 manakala kadar NTK adalah RM 50.00.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan</p>
3.	Para 5.14 & m/s 16	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Penetapan Kadar Sewaan Rumah Peranginan Majlis Perbandaran Subang Jaya di Pulau Langkawi, Kedah Darul	<p>Beliau memohon pertimbangan pengurangan kadar sewa kakitangan iaitu sebanyak RM50.00 sahaja.</p> <p>Maklum balas</p> <p>Puan Yang Dipertua menjelaskan bahawa pihak Majlis telah menanggung kos-kos</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Aman	yang terlibat, dimana pihak Majlis tidak membuat sebarang keuntungan terhadap aset tersebut. Ini merupakan sebahagian daripada kebajikan yang diberikan kepada seluruh warga MPSJ. Pihak Jabatan diminta untuk membuat pengiraan tanggungan kos subsidi terhadap aset-aset peranginan yang ditawarkan kepada warga MPSJ supaya semua pihak dapat melihat kos sebenarnya yang perlu ditanggung oleh Majlis. Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 PELAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH DI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Unit Integriti dan telah dibentangkan oleh Puan Emilia binti Nasir, Penolong Pengarah Integriti.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **November 2018** akan diadakan pada **22 November 2018 (Khamis)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 26 Oktober 2018

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 8. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 9. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 10. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 11. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 12. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 13. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 14. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

15.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
16.	Encik Chia Yew Ken	-	"
17.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
18.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
19.	Encik Wong Yii Seang	-	"
20.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
21.	Puan Ng Seow Chen	-	"
22.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
23.	Encik Koh Eng Kee	-	"
24.	Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim	-	"
25.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB

15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
17. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Encik Saipudin bin Sulaiman
Timbalan Pengarah, Jabatan Pelesenan
21. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
2. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan